

Headline	Teknologi untuk semua
Date	05. Dec 2007
Media Title	Harian Metro
Section	Variasi
Circulation	172903
Readership	605160
Language	MALAY
Page No	2,3
Article Size	742 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



Teknologi untuk semua

Beribu-ribu penyelidik negara ini terutama dari institusi pengajian tinggi secara langsung dengan Mimos untuk mengembangkan penyelidikan



dengan kepakaran teknologi berkemahiran tinggi, Mimos berjuang untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara melalui pengenalan platform teknologi inovatif.

JENTERA penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) utama negara, Mimos Berhad, kini bersedia menyalurkan kemahiran serta pelbagai penemuan-nya dalam bentuk platform tertentu kepada industri mulai tahun depan.

Dipacu oleh keterajuhan serta pasukan dinamik, digabungkan pula dengan kebijaksanaan saintis ber taraf dunia, Mimos kini mampu mengorak langkah lebih jauh untuk mengubah kaedah dan pendekatan tradisional industri sedia ada kepada pendekatan lebih moden dan berpotensi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata

"Platform teknologi itu boleh digunakan oleh industri untuk membangunkan produk, menyediakan perkhidmatan atau mengubah pendekatan cara guna pengeluaran tradisional terutamanya pertanian," katanya.

Mimos mempunyai visi untuk menjadi pusat penyelidikan gunaan utama dalam teknologi serta wawasan untuk mempelopori teknologi maklumat dan komunikasi bagi membantu industri lebih berdaya saing dalam ekonomi dunia, di samping mengurangkan kos pengeluaran di tahap maksimum.

Dengan visi dan wawasan itu, Mimos menumpukan kepada lima kluster teknologi utama iaitu Perkomputeran Grid, Teknologi Pengetahuan, Keseleamtan Maklumat, Komuni-

kasi Tanpa Wayar dan Sistem Mekanikal Elektro Mikro/Sistem Mekanikal Elektro Nano (MEMS/NEMS).

Sementara lapan bidang penyelidikan gunaan yang menjadi keutamaan Mimos ialah keselamatan ruang siber, perkomputeran grid, tenaga mikro, infomatik dimajukan, sistem enkripsi, teknologi

komunikasi, sistem mikro MEMS/NEMS dan teknologi pengetahuan.


Menurut Abdul Wahab, Mimos menumpukan R&D untuk daya saing nasional dan global bagi memenuhi keperluan negara yang berasih dari pacuan berdasarkan faktor sumber alam kepada industri dan kini ke arah pengetahuan.

Beribu-ribu penyelidik di negara ini terutama dari institusi pengajian tinggi mendapat akses secara langsung dengan Mimos untuk mengembangkan penyelidikan masing-masing.

"Mereka boleh berkongsi atau berhubungan dengan penyelidik dalam dan luar negara untuk membolehkan penyelidikan menghasilkan



DIKTIRAF...filem animasi buatan tempatan menerima beberapa anugerah di Festival Filem Dunia.



LUMAYAN...dengan bantuan teknologi hasil pertanian dapat ditingkatkan dan kos penyelenggaraan dikurangkan.

Headline **Teknologi untuk semua**
Date **05. Dec 2007**
Media Title **Harian Metro**

sesuatu yang lebih mantap, lalu di masukkan ke dalam penyelidikan gunaan sebelum dibawa ke teknologi dimajukan," katanya lagi.

Apabila berjaya disepakukan, ia akan mewujudkan satu platform yang mana semua pihak terutamanya industri boleh berkongsi bagi menghasilkan produk atau menyediakan perkhidmatan.

Maklumat dimajukan ialah mengenai penyelidikan dan pembangunan teknik inovatif yang berkaitan dengan pemprosesan dan penggunaan maklumat utamanya pemasalahan praktikal terhadap potensi komersial.

Keselamatan Ruang Siber pula berkaitan dengan pembangunan platform keselamatan ruang siber yang memastikan identiti negara seperti kebudayaan, nilai dan politik terus didukung sementara keselamatan prasarana maklumat negara terus dilindungi.

Perkomputeran Grid ialah pengedaran sistem prasarana perkomputeran berskala besar yang mengkoordinasikan perkongsian ke atas kuasa pengiraan rumit semua organisasi yang berada di dalam rangkaian.

Tenaga Mikro adalah sistem yang ditumpukan untuk pengeluaran tenaga paling berkuasa dalam reka bentuk kecil terutamanya untuk kegunaan alat gajet seperti telefon bimbit,

kamera digital, pembantu peribadi digital (PDA), alat permainan komputer, notebook dan sebagainya.

Teknologi Komunikasi untuk komunikasi tanpa sempadan yang menjadi paradigma baru menyediakan pelbagai kandungan termasuk suara, video dan data menerusi penyambungan bermutu tinggi tanpa bergantung kepada jalur lebar.


Sistem enkripsi ialah suatu unsur mengenai kepercayaan iaitu enkripsi komputer yang diasaskan kepada kriptologi untuk memastikan keselamatan data ketika disalurkan di samping menjamin kedapatan perkhidmatan, berterusan dan tanpa sangkal.

Teknologi Pengetahuan pula untuk memperkasakan masa depan masyarakat yang mana ia menambah lapisan kebijaksanaan kepada teknologi yang mengurus dan memproses maklumat. Ia akan menyediakan platform pembangunan kepada aplikasi komputer untuk menjadi lebih bermakna dan berdasarkan pengetahuan.

Sementara MEMS dan NEMS ialah mengenai mengecilkan peranti yang terdiri daripada komponen mekanikal dan elektronik. Ia berpotensi besar di dalam atau luar negara kerana keupayaannya dalam sektor berpotensi tinggi seperti produktiviti pertanian, alam sekitar dan penjagaan kesihatan.

Headline
Date
Media Title

Teknologi untuk semua
05. Dec 2007
Harian Metro



MAKLUMAT... keperluan kritis dalam apa jua bidang untuk terus berdaya saing dalam ekonomi moden.



“

Platform teknologi itu boleh digunakan oleh industri untuk membangunkan produk, menyediakan perkhidmatan atau mengubah pendekatan cara guna pengeluaran tradisional terutamanya pertanian”

>Datuk Abdul Wahab Abdullah
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
Mimos Berhad